

MODEL BERSTRUKTUR KOMPETENSI BAGI PENGURUS PROJEK
BANGUNAN HIJAU DI MALAYSIA

MUHAMAD AMIR AFIQ BIN LOKMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah
Doktor Falsafah (Pengurusan Fasiliti)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2019

DEDIKASI

Sekalung budi.....Seraut kasih.....Sejuta Harapan

Istimewa Buat Insan Tersayang

Teristimewa buat Ayah dan Mak,
Hj. Lokman bin Hj. Abdullah (1949-2018)

Hjh. Sarimah binti Hj. Harun

Yang telah banyak berkorban demi kejayaan saya
Allah nak 'jumpa' Ayah dulu sebelum Ayah sempat lihat tesis ini disiapkan

Al-Fatihah Ayah,

Moga roh Ayah dicucuri rahmat dan ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman... Amin

Teristimewa buat Abah dan Nyak,

Hj. Shaari bin Abdullah

Hjh. Rossalmi bin Abdullah

Yang memahami dan menerima keadaan saya seadanya

Teristimewa buat Isteri yang disayangi

Nursyamimi binti Shaari

Yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan tanpa rasa jemu di sepanjang penyediaan tesis PhD ini

Yeay, kita sama-sama dah habis PhD tau!

Teristimewa adik dan adik beradik ipar,

Yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan

Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan

Buat penyeliaku Prof. Madya Dr. Mat Naim, Prof. Dr. Abdul Hakim dan Prof.

Madya Dr. Dzurlkhanian @ Zulkarnain,

Terima Kasih atas tunjuk ajar dan ilmu yang telah diberikan sepanjang menyiapkan tesis PhD ini

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, Yang Maha Agung, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, dengan penuh kesyukuran dan hidayahNYA, kajian PhD ini dapat disiapkan sepenuhnya. Dengan iziNYA, saya merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia-penyelia projek kajian PhD ini iaitu, Prof. Madya. Dr. Mat Naim bin Abdullah, Prof. Dr. Abdul Hakim bin Mohammed dan Prof. Madya. Dr. Dzurllkanian @ Zulkarnain bin Daud yang tidak jemu memberikan bimbingan, dorongan, dan sokongan moral sepanjang tempoh penyelidikan ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas budi dan jasa yang diberikan. Tidak lupa kepada keluarga tercinta yang sering mendoakan dan memberi sokongan yang tidak putus kepada saya serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Semoga Allah merahmati kalian semua. Amin.

SEKIAN, TERIMA KASIH

ABSTRAK

Pembangunan lestari merupakan konsep pembangunan yang dipelopori 15 tahun lalu. Konsep ini menjadi semakin penting kerana pihak berkepentingan dalam industri pembinaan mula menyedari kesan bangunan ke atas peningkatan krisis alam sekitar serta sumbangannya kepada perubahan iklim. Untuk menangani krisis ini, konsep bangunan hijau diperkenalkan sebagai alternatif kepada pembinaan bangunan sedia ada. Bangunan hijau merupakan bangunan cekap sumber dengan kesan alam sekitar yang minimum dan dianggap baru dalam industri pembinaan. Oleh itu, pengurus projek yang kompeten adalah penting untuk menentukan kejayaan pembinaan bangunan hijau. Walau bagaimanapun, di Malaysia, terdapat jurang yang besar antara prestasi bangunan hijau di peringkat perancangan dengan prestasinya ketika siap dibina dan bersedia untuk beroperasi. Ini bermakna, bangunan hijau ini tidak dapat menangani isu kelestarian kerana bangunan-bangunan setelah siap tidak mencapai objektif pembinaannya. Berdasarkan kajian awal yang dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa pengurus projek yang dilantik tidak mempunyai ilmu dan kemahiran sebenar mengenai pembinaan hijau. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan kompetensi pengurus projek bangunan hijau di Malaysia dan untuk mengkaji hubungan antara kompetensi pengurus projek bangunan hijau dan Indeks Bangunan Hijau di Malaysia dalam memastikan pembinaan bangunan hijau berjaya. Kajian ini menggunakan dua kaedah yang terdiri daripada temubual dengan pakar bidang dan kaedah tinjauan di mana soal selidik diedarkan kepada 167 pengurus projek bangunan hijau yang telah disahkan oleh Indeks Bangunan Hijau Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan, kekerapan dan *Mean Rank* serta SEM-PLS. Dapatan akhir kajian menunjukkan bahawa pengurus projek yang kompeten perlu memiliki 4 kompetensi iaitu pengetahuan tradisional, pengetahuan bangunan hijau, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konseptual. Setiap kompetensi ini mempunyai sub-kompetensi masing-masing termasuk perancangan dan penjadualan, pengurusan kos, pengurusan risiko, pengurusan kesihatan dan keselamatan, pengurusan pihak berkepentingan, pengurusan bahan binaan hijau, pembinaan lestari, kecekapan air, pengetahuan alam sekitar, piawaian lestari, sasaran/objektif lestari, reka bentuk hijau/lestari, strategi hijau, keperluan hijau, mahir dengan produk lestari dan pasarannya, kerjasama, membuat keputusan, tingkah laku manusia, perancangan proaktif dan visualisasi. Kompetensi dan sub-kompetensi ini diperlukan bagi memastikan kejayaan pembinaan bangunan hijau di Malaysia. Dapatan kajian ini boleh dilihat sebagai sumbangan baru kepada bidang pengetahuan tentang kelestarian dengan menjadi asas dan rujukan kepada pihak akademik dan industri dalam memastikan industri pembinaan bangunan hijau kekal relevan dan mencapai pembangunan lestari.

ABSTRACT

Sustainable development is a concept pioneered 15 years ago. This concept is becoming increasingly important as stakeholders in the construction industry begin to recognize the impact of a building on the escalation of environmental crisis as well as its contribution to climate change. To address this crisis, the concept of green building was introduced as an alternative to the existing building construction. Green building is a resource-efficient building with minimal environmental impact and is considered new in the construction industry. Therefore, a competent project manager is essential in determining the success of a green building. However, in Malaysia, there is a huge gap between the performance of green buildings at the planning stage and their performance when they are finished and ready to operate. This means that these green buildings have failed to address the issue of sustainability because the buildings upon completion did not meet its construction objectives. Based on an initial investigation that was carried out, the results showed that incompetent project managers without having actual knowledge and skills about green construction were appointed. Therefore, the study was conducted to determine the competency of green building project managers in Malaysia and examine the relationship between the competency of green building project managers and the Green Building Index Malaysia in ensuring successful construction of green buildings. The study used two methods comprising an interview with an expert and a survey where questionnaires were distributed to 167 green building project managers who have been certified by the Green Building Index Malaysia. The data obtained were analysed using content analysis, frequency and Mean Rank as well as SEM-PLS. The final findings of the study showed that competent project managers need to have 4 competencies which are traditional knowledge, green building knowledge, human skills and conceptual skills. Each competency has their own sub-competencies, which include planning and scheduling, cost management, risk management, safety and health management, stakeholders management, green building material management, sustainable construction, water efficient, environmental knowledge, sustainable standards, sustainable objectives, sustainable design, green strategy, green need, familiar with green product and its market, team working, decision making, human behaviour, visualization and proactive planning. These competencies and sub-competencies are required to ensure successful construction of green buildings in Malaysia. The findings of this study could be viewed as a new contribution to the body of knowledge on sustainability by being the basis as well as reference for the academics and industry to ensure that the green building industry remains relevant and achieves sustainable development.

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	ISI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	12
	1.5.1 Sumbangan terhadap ilmu	12
	1.5.2 Sumbangan terhadap industri	12
1.6	Skop dan Limitasi	14
1.7	Metodologi Kajian	14
	1.7.1 Teknik Pengumpulan dan Penganalisan Data	16
1.8	Susun Atur Bab	20
BAB 2	Pembangunan Lestari dan Bangunan Hijau	23
2.1	Pengenalan	23

2.2	Pembangunan Lestari	23
2.3	Bangunan Hijau	25
2.4	Manfaat Bangunan Hijau	27
2.5	Halangan kepada Pembinaan Bangunan Hijau	29
2.6	Kelestarian dan Bangunan Hijau di Malaysia	32
	2.6.1 Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) dan Pembangunan Lestari	33
	2.6.2 Dasar Teknologi Hijau Negara 2009 (DTHN2009)	33
2.7	Agensi-Agensi Teknologi Hijau di Malaysia	35
	2.7.1 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	36
	2.7.2 GreenTech Malaysia (GTM)	37
	2.7.3 Green Technology Council (GTC)	38
	2.7.4 Malaysia Green Building Confederation (MGBC)	38
2.8	Sistem Penarafan Bangunan Lestari (SPBL)	39
	2.8.1 Indeks Bangunan Hijau atau (<i>Green Building Index-GBI</i>)	42
	2.8.2 Sistem Penilaian Prestasi Hijau atau (<i>Green Performance Assessment System -GREEN PASS</i>)	43
	2.8.3 Skim Penilaian Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya Malaysia (SPPH, JKR)	44
	2.8.4 <i>Green Real Estate (Green RE)</i>	44
2.9	Kriteria Prestasi Persekitaran Bangunan	46
	2.9.1 Cepak Tenaga (CT)	46
	2.9.2 Kualiti Persekitaran Dalaman (KPD)	48
	2.9.3 Pengurusan dan Perancangan Tapak Lestari (PPTL)	48
	2.9.4 Bahan-bahan dan Sumber (BS)	49
	2.9.5 Cepak Air (CA)	49
	2.9.6 Inovasi (IN)	50
	2.10 Ringkasan Bab	50

BAB 3	KOMPETENSI PENGURUS PROJEK BANGUNAN HIJAU	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Kompetensi	53
	3.2.1 Definisi Ilmu Pengetahuan	57
	3.2.2 Definisi Kemahiran	57
3.3	Kerangka Teoritikal Kajian	58
	3.3.1 Teori Kompetensi Bongkah Ais	59
	3.3.2 Teori Prestasi (<i>Theory of Performance-ToP</i>)	61
3.4	Model Kompetensi	61
	3.4.1 Pendekatan Membangunkan Model Kompetensi	62
	3.4.2 Proses Pembangunan Model Kompetensi	63
3.5	Justifikasi Penggunaan Kompetensi	70
3.6	Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau.	71
	3.6.1 Ilmu Pengetahuan	75
	3.6.2 Kemahiran	85
3.7	Pengkategorian Kompetensi	93
3.8	Model Konsepsual	96
3.9	Ringkasan Bab	97
BAB 4	METODOLOGI KAJIAN	99
4.1	Pengenalan	99
4.2	Rekabentuk Kajian	99
4.3	Metodologi Kajian	100
	4.3.1 Peringkat 1: Pencapaian Objektif 1	100
	4.3.2 Peringkat 2: Pencapaian Objektif 2	104
4.4	Ringkasan Bab	143
BAB 5	ANALISIS DATA : KOMPETENSI PENGURUS PROJEK BANGUNAN HIJAU	145
5.1	Pengenalan	145
	5.1.1 Perolehan Data	145

5.1.2	Analisis Kebolehpercayaan Data : <i>Cronbach's Alpha</i>	146
5.2	Analisis Latarbelakang Responden	149
5.2.1	Kelayakan Akademik	149
5.2.2	Profesion Responden	149
5.2.3	Pengalaman Kerja Responden	150
5.2.4	Pengalaman di dalam Pengurusan Projek Bangunan Konvensional	150
5.2.5	Pengalaman di dalam Pengurusan Projek Bangunan Hijau	151
5.2.6	Jenis Kategori Bangunan Hijau	152
5.3	Hasil Analisis Objektif Pertama: Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau: Analisis Deskriptif dan Indeks Kepentingan Relatif (RII)	152
5.3.1	Analisis Deskriptif Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau	153
5.3.2	Analisis Indeks Kepentingan Relatif (RII) Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau.	157
5.4	Hasil Analisis Objektif Kedua: Hubungan antara Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau dengan Indeks Bangunan Hijau di Malaysia	162
5.4.1	Ringkasan Model	163
5.4.2	Model Pengukuran (<i>Measurement Model-Outer Model</i>)	166
5.4.3	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman (<i>Internal Consistency</i>)	167
5.4.4	Kebolehpercayaan Petunjuk (<i>Indicator Reliability</i>)	167
5.4.5	Kesahan menumpu (<i>convergent validity</i>): Perbezaan Purata Diekstrak (<i>Average Variance Extracted-AVE</i>)	170

5.4.6	Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	176
5.4.7	Ringkasan Model Pengukuran	176
5.5	Model Struktur (<i>Structural Model-Inner Model</i>)	177
5.5.1	Pekali penentuan (<i>coefficient determination</i>) atau R^2	178
5.5.2	Koefisien jalur (<i>path coefficient</i>) atau β	179
5.5.3	Kesan Saiz (Effect Size) – f^2	182
5.5.4	Ujian Peramalan yang Relevan (<i>Predictive Relevance</i>) – Q^2 dan Kesan Relatif (<i>Relative Impact</i>) – q^2	184
5.5.5	Ringkasan Model Struktur	186
5.6	Ringkasan Bab	187
BAB 6	PENEMUAN DAN PERBINCANGAN	189
6.1	Pengenalan	189
6.2	Objektif Pertama :	
	Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau	189
6.2.1	Ilmu Pengetahuan Tradisional	189
6.2.2	Ilmu Pengetahuan Bangunan Hijau	192
6.2.3	Kemahiran Kemanusiaan	194
6.2.4	Kemahiran Perundingan	195
6.2.5	Kemahiran Konsepsual	196
6.2.6	Ringkasan Penemuan Objektif Pertama	198
6.3	Objektif Kedua :	
	Hubungan antara Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau dengan Indeks Bangunan Hijau di Malaysia	198
6.3.1	Ilmu Pengetahuan Tradisional – Indeks Bangunan Hijau	198
6.3.2	Ilmu Pengetahuan Hijau – Indeks Bangunan Hijau	200

6.3.3	Kemahiran Kemanusiaan	
	– Indeks Bangunan Hijau	202
6.3.4	Kemahiran Perundingan	
	– Indeks Bangunan Hijau	202
6.3.5	Kemahiran Konsepsual	
	– Indeks Bangunan Hijau	203
6.3.6	Ringkasan Penemuan Objektif Kedua	204
BAB 7	KESIMPULAN DAN CADANGAN	207
7.1	Pengenalan	207
7.2	Kesimpulan	207
7.2.1	Objektif 1: Untuk menentukan kompetensi pengurus projek bangunan hijau di Malaysia	207
7.2.2	Objektif 2: Untuk mengkaji hubungan di antara Kompetensi Pengurus Projek Bangunan Hijau dan Indeks Bangunan Hijau di Malaysia.	208
7.3	Sumbangan dan Implikasi Hasil Dapatan Kajian	209
7.3.1	Sumbangan kepada Penemuan Ilmu Baharu	209
7.3.2	Sumbangan kepada Industri	210
7.4	Cadangan Kajian Lanjutan	211
7.5	Limitasi Kajian	212
7.6	Kesimpulan Keseluruhan	212
RUJUKAN		215

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Hasil Siasatan Awal (<i>Preliminary Investigation</i>)	5
Jadual 1.2	Senarai kompetensi Pengurus Projek mengikut bidang.	6
Jadual 1.3	Perbandingan ringkas antara pendekatan PLS-SEM dan CB-SEM.	19
Jadual 1.4	Teknik Pengumpulan dan Penganalisan Data	19
Jadual 2.1	Sasaran DTHN2009	35
Jadual 2.2	Ciri-ciri SPBL di Malaysia	45
Jadual 2.3	Mata Markah bagi Kriteria Cepak Tenaga (CT)	47
Jadual 3.1	Idea di dalam definisi kompetensi	56
Jadual 3.2	Kajian lepas bagi isu kompetensi dalam pelbagai bidang	70
Jadual 3.3	Kompetensi pengurus projek bangunan hijau berdasarkan sorotan ilmiah .	72
Jadual 3.4	Pengkategorian Kompetensi	95
Jadual 4.1	Latar belakang pakar bagi proses kesahihan kandungan	103
Jadual 4.2	Populasi kajian mengikut kategori	106
Jadual 4.3	Struktur kandungan soal selidik 2	108
Jadual 4.4	Panduan menilai kebolehpercayaan menggunakan <i>Cronbach's Alpha</i>	115
Jadual 4.5	Istilah-istilah utama <i>Structured Equation Modelling-SEM</i>	120
Jadual 4.6	Perbezaan antara kaedah SEM-CB dan SEM-PLS	125
Jadual 5.1	Keseluruhan perolehan data	146
Jadual 5.2	Hasil analisis <i>Cronbach's Alpha</i> terhadap set kompetensi pengurus projek bangunan hijau	146
Jadual 5.3	Kelayakan Akademik Responden	149
Jadual 5.4	Profesion responden	150
Jadual 5.5	Tahun pengalaman kerja responden	150
Jadual 5.6	Tahun pengalaman responden dalam pengurusan projek bangunan konvensional	151

Jadual 5.7	Tahun pengalaman responden dalam pengurusan projek bangunan hijau	151
Jadual 5.8	Kategori Bangunan Hijau	152
Jadual 5.9	Nilai min skor kompetensi pengurus projek bangunan hijau	154
Jadual 5.10	Peratus kekerapan kompetensi pengurus projek bangunan hijau	156
Jadual 5.11	Nilai RII kompetensi ilmu pengetahuan tradisional pengurus projek bangunan hijau	157
Jadual 5.12	Nilai RII kompetensi ilmu pengetahuan bangunan hijau pengurus projek bangunan hijau	158
Jadual 5.13	Nilai RII kompetensi kemahiran kemanusiaan pengurus projek bangunan hijau.	159
Jadual 5.14	Nilai RII kompetensi kemahiran perundingan pengurus projek bangunan hijau.	160
Jadual 5.15	Nilai RII kompetensi kemahiran konseptual pengurus projek bangunan hijau.	161
Jadual 5.16	Senarai pembolehubah di dalam model (SEM-PLS)	163
Jadual 5.17	Garis Panduan (<i>Rules of Thumb</i>) Analisis Kajian	166
Jadual 5.18	Kebolehpercayaan Komposit	167
Jadual 5.19	Nilai pemberat (<i>Outer Loading</i>)	169
Jadual 5.20	Nilai AVE bagi setiap pembolehubah pendam	171
Jadual 5.21	Nilai CR dan AVE sebelum dan selepas penyingkiran petunjuk dengan nilai pemberat < 0.700	172
Jadual 5.22	Nilai akhir CR dan AVE setelah penyingkiran-penyinkingiran indikator dilakukan.	175
Jadual 5.23	Analisis <i>Fornell-Larcker Criterion</i>	176
Jadual 5.24	Garis Panduan (<i>Rules of Thumb</i>) bagi menilai Model Struktur	178
Jadual 5.25	Hasil Pengujian Hipotesis	181
Jadual 5.26	Hasil Kesan Saiz (<i>effect size</i>) f^2	183
Jadual 5.27	Hasil pengiraan q^2 bagi setiap kompetensi	185
Jadual 6.1	Kompetensi Ilmu Pengetahuan Tradisional	190
Jadual 6.2	Ringkasan Kompetensi Ilmu Pengetahuan Bangunan Hijau	193
Jadual 6.3	Ringkasan Kompetensi Kemahiran Kemanusiaan	194

Jadual 6.4	Ringkasan Kompetensi Kemahiran Perundingan	195
Jadual 6.5	Ringkasan Kompetensi Kemahiran Konsepsual	196

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Aliran Keseluruhan Aktiviti Kajian	16
Rajah 2.1	Garis masa bagi SPBL	42
Rajah 3.1	Teori Kompetensi Bongkah Ais	60
Rajah 3.2	Model Konseptual	96
Rajah 4.1	Peringkat-peringkat analisis SEM-PLS	128
Rajah 4.2	Model pengukuran dan model berstruktur kompetensi pengurus projek bangunan hijau.	131
Rajah 4.3	Model Konseptual SEM-PLS	132
Rajah 4.4	Sampel model struktur dan model pengukuran	135
Rajah 5.1	Ringkasan proses mengenalpasti tahap kepentingan	157
Rajah 5.2	Permodelan Persamaan Berstruktur-Penganggaran Kuasa Dua Terkecil Separa (SEM-PLS)	163
Rajah 5.3	Nilai pemberat petunjuk (<i>Outer Loading</i>)	168
Rajah 5.4	Model selepas penyingkiran 29 petunjuk	177
Rajah 5.5	Nilai R^2	179
Rajah 5.6	Model selepas <i>bootstrapping</i> dijalankan (nilai t-statistik)	180
Rajah 5.7	Koefisien Jalur dan nilai t-statistik	181
Rajah 5.8	Nilai ramalan yang relevan (Q^2) dalam model struktur	184
Rajah 5.9	Hasil yang diubahsuai	186
Rajah 6.1	Ilmu Pengetahuan Tradisional – Indeks Bangunan Hijau	199
Rajah 6.2	Ilmu Pengetahuan Hijau – Indeks Bangunan Hijau	200
Rajah 6.3	Kemahiran Kemanusiaan – Indeks Bangunan Hijau	202
Rajah 6.4	Kemahiran Perundingan – Indeks Bangunan Hijau	203
Rajah 6.5	Kemahiran Konseptual – Indeks Bangunan Hijau	203
Rajah 6.6	Model Khusus Berstruktur Untuk Pengurus Projek Bangunan Hijau Di Malaysia.	205

SENARAI SINGKATAN

ACEM	-	<i>Association of Consulting Engineers Malaysia</i>
ASTM	-	<i>American Society of Testing and Materials</i>
AVE	-	<i>Average Variance Extracted</i>
BREEAM	-	<i>Building Research Establishment Environmental Assessment Method</i>
CAST	-	Cawangan Alam Sekitar dan Tenaga
CBRE	-	<i>Coldwell Banker Richard Ellis</i>
CB-SEM	-	<i>Covariance-Based SEM</i>
CIDB	-	<i>Construction Industry Development Board</i>
COMMIT	-	<i>Construction Modelling Methodologies for Intelligent Information Integration</i>
CR	-	<i>Composite Reability</i>
CREAM	-	<i>Construction Research Institute of Malaysia</i>
DTHN 2009	-	Dasar Teknologi Hijau Malaysia 2009
EPA	-	<i>Environmental Protection Agency</i>
GBI	-	<i>Green Building Index</i>
Green PASS	-	<i>Green Performance Assessment System</i>
Green RE	-	<i>Green Real Estate</i>
GTC	-	<i>Green Technology Council</i>
GTM	-	<i>GreenTech Malaysia</i>
IFMA	-	<i>International Facilities Management Association</i>
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
KeTTHA	-	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KPKK	-	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan

		Kebudayaan
KTAK	-	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
MGBC	-	Malaysia Green Building Council
PAM	-	Persatuan Arkitek Malaysia
PH / SPPH JKR	-	Penarafan Hijau / Sistem Penilaian Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya
PLS	-	<i>Partial Least Square</i>
PLS-SEM	-	<i>Partial Least Square SEM</i>
PM	-	Perdana Menteri
PMI	-	<i>Project Management Institute</i>
REHDA	-	<i>Real Estate and Housing Developer's Association</i>
RII	-	<i>Relative Important Index</i>
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke-
SEM	-	<i>Structural Equation Modelling</i>
SPBL	-	Sistem Penarafan Bangunan Lestari
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TH	-	Teknologi Hijau
UNCED	-	<i>United Nations Conference on Environment and Development</i>
UNCSD	-	<i>United Nations Conference on Sustainable Development</i>
UNHCE	-	<i>United Nations Conference on the Human Environment</i>
USGBC	-	<i>United States of Green Building Council</i>
WCED	-	<i>World Conference on Environment and Development</i>
WCS	-	<i>World Conservation Strategy</i>
WSSD	-	<i>World Summit on Sustainable Development</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
Lampiran A	Borang Kaji Selidik	253
Lampiran B	Hasil Ujian Kenormalan Data	259
Lampiran C	Permodelan Persamaan Berstruktur Penganggaran Kuasa Dua Terkecil Separa (SEM-PLS)	261

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Pengurusan fasiliti merupakan satu terma yang merangkumi pelbagai aktiviti termasuklah pengurusan aset yang berkesan. Alexander (2003) mendefinisikan pengurusan fasiliti sebagai satu proses bagi sesebuah organisasi menyampai dan mengekalkan perkhidmatan sokongan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan strategik. IFMA (1994) turut menjelaskan pengurusan fasiliti adalah satu pekerjaan yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu untuk memastikan sesebuah persekitaran yang telah terbina berfungsi dengan baik dengan integrasi diantara manusia, tempat, proses dan teknologi. Ini bermaksud, pengurusan fasiliti boleh menyatukan fungsi berkaitan harta dan pengguna bagi manfaat organisasi dan pekerjanya secara menyeluruh (Amaratunga, Baldry dan Sarshar, 2000). Sebagai contoh, pengurusan fasiliti meliputi pengurusan hartanah, pengurusan kewangan, pengurusan perubahan, pengurusan sumber manusia, pengurusan kesihatan dan keselamatan, pengurusan kontrak disamping menyediakan perkhidmatan penyenggaraan bangunan dan kejuruteraan (Nizam Kamaruzzaman dan Marinie Ahmad Zawawi, 2010). Kini, aspek kelestarian juga turut menjadi salah satu bidang di dalam pengurusan fasiliti (Pong, 2010) disebabkan oleh peningkatan kesedaran terhadap alam sekitar dan penguatkuasaan undang-undang (Elmualim, Shockley, Valle, Ludlow dan Shah, 2010).

Kelestarian dianggap sebagai cara terbaik untuk menangani masalah alam sekitar yang rumit (Waas, Hugé, Verbruggen dan Wright, 2011) yang boleh memberi kesan terhadap bangunan. Oleh itu, pembangunan lestari diperlukan sebagai cara atau medium untuk mencapai kelestarian. Menurut Bruntland (1987), pembangunan lestari dapat diterjemahkan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi masa depan untuk memenuhi keperluan

mereka sendiri. Justeru, konsep bangunan hijau diperkenalkan sebagai faktor penggerak untuk mencapai pembangunan lestari.

Bangunan hijau merupakan sebuah bangunan yang mampu memperbaiki alam sekitar serta memberi manfaat kepada kesejahteraan manusia, komuniti, alam sekitar dan kos kitaran hayatnya (Adler et al., 2006). Bangunan hijau dilihat sebagai satu penyelesaian yang holistik untuk menjayakan konsep pembangunan lestari bermula daripada perancangan projek, merekabentuk, membina sehinggalah projek itu beroperasi. Oleh itu, bangunan hijau dikenalpasti tergolong dalam konsep pembangunan lestari (Wu dan Low, 2010). Bangunan hijau telah mengalami perkembangan yang pesat sejak beberapa dekad yang lalu disebabkan oleh peningkatan permintaan mengenai produk-produk dan penyelesaian mesra alam di pasaran. Pada asalnya, inisiatif bangunan hijau ini dimulakan melalui projek-projek oleh sektor-sektor yang tidak berunsurkan keuntungan seperti kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri (Smith, Fischlein, Suh dan Huelman, 2006) namun, konsep bangunan hijau ini mula meluas dalam industri pembinaan disebabkan oleh kesedaran mengenai kelestarian ini semakin meningkat (Wu dan Low, 2010).

Pemilik, pengurus projek, perunding dan kontraktor merupakan pihak-pihak yang terlibat secara bersama dalam projek pembinaan. Pengurus projek merupakan seorang individu yang bertanggungjawab untuk memastikan kelancaran projek bermula daripada peringkat perancangan, pembinaan sehinggalah kepada mendapatkan kelulusan projek pembinaan itu (Meredith dan Mantel, 1989). Pengurus projek dilihat sebagai individu penting yang mampu menyokong visi jangka panjang di dalam industri pembinaan sekaligus menjadi ejen perubahan kepada industri ini berbanding pihak-pihak lain (Delnavaz, 2012) tanpa meninggalkan sedikit pun peranan tradisional mereka (Hills, Fox, Skitmore, Hon dan Fong, 2008). Selain itu, kepentingan pengurus projek juga turut dapat dilihat apabila mampu mempengaruhi kejayaan sesebuah projek sekitar 34-47% (Toney, 2001). Bagi menguruskan sesebuah projek bangunan hijau secara profesional dan berjaya, seseorang pengurus projek yang kompeten diperlukan (Ahadzie, 2007; Hwang dan Ng, 2013; Lippaiová dan Sebestyén, 2006; Sharif, Kamaruzzaman dan Pitt, 2014) khususnya yang mahir

dan biasa dengan jenis produk dan pasaran serta sudah terdedah dengan setiap fasa pembinaan lestari (Robichaud dan Anantatmula, 2010).

Secara umumnya, kompetensi merujuk kepada ciri-ciri seseorang yang mampu melakukan sesuatu tugas. Kompeten pula ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang melakukan tugas tersebut (Bozkurt, 2011). Walaupun pelbagai definisi kompetensi diberikan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Holmes dan Joyce (1993), Spencer dan Spencer (1993), Ulrich, Brockbank, Yeung dan Lake (1995), Parry (1996), Blancero, Boroski dan Dyer (1996), Mansfield (1996), McLagan (1996), Meyer dan Semark (1996), Mirabile (1997), Hammersley dan Tynon (1998), Rothwell, Sanders dan Soper (1999), Bonder, Hollands dan Miles (1999), Perdue, Woods dan Ninemeier (2001) dan Fleisher (2003), namun kompetensi dalam kajian ini hanya merujuk kepada dua (2) elemen sahaja iaitu ilmu pengetahuan dan kemahiran selaras dengan Teori Bungkah Ais yang diperkenalkan oleh Spencer dan Spencer (1993). Perincian mengenai definisi-definisi kompetensi ini telah dibincangkan dalam Bab 3.3.2.

1.2 Pernyataan Masalah

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1.1 dalam Perenggan 4, pengurus projek yang kompeten diperlukan bagi menguruskan pembinaan bangunan hijau (Hwang dan Ng, 2013; Lippaiová dan Sebestyén, 2006; Sharif et al., 2014) dengan jayanya. Kini, kejayaan sesebuah projek bangunan hijau bukan sahaja diukur melalui aspek kos, masa dan kualiti, malah ia juga turut diukur melalui aspek-aspek lain seperti sejauhmana kesan pembinaan sesebuah bangunan hijau itu terhadap alam sekitar serta faktor kesihatan yang mampu diperolehi oleh penghuni bangunan hijau tersebut (Doyle, Brown, De Leon dan Ludwig, 2009). Ini bermaksud, perspektif kejayaan sesebuah projek telah berubah sejak konsep bangunan hijau diperkenalkan.

Disebabkan oleh perubahan ini, pengurus projek melihat terdapat pelbagai isu-isu dan tanggungjawab baharu yang perlu mereka galas walaupun isu-isu dan

tanggungjawab ini bukanlah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab mereka suatu ketika dahulu (Edum-Fotwe dan McCaffer, 2000). Perubahan peranan ini juga turut diutarakan oleh Ceran dan Dorman (1995) dan Russell, Jaselskis dan Lawrence (1997) supaya pengurus projek mampu memenuhi beban kerja profesional supaya sesuai dengan masa dan keadaan.

Namun begitu, beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang perbezaan yang besar diantara prestasi bangunan hijau semasa perancangan projek dengan prestasi bangunan hijau setelah bangunan hijau siap dibina dan semasa ia beroperasi (Huat dan Akasah, 2011; Ng dan Akasah, 2013). Perbezaan ini terjadi akibat daripada ahli kumpulan projek khususnya pengurus projek tidak dilengkapi dengan kompetensi yang sewajarnya dalam menguruskan pembinaan sesebuah bangunan hijau sekaligus menjadi faktor yang sering menjadi halangan kepada kejayaan sesebuah projek bangunan hijau itu (Hwang dan Tan, 2012; Pitt, Tucker, Riley dan Longden, 2009; Tagaza dan Wilson, 2004; Zhang, Shen, Wu dan Qi, 2011) walaupun telah dibuktikan bahawa aspek kelestarian dapat ditingkatkan sekiranya pengamal industri pembinaan bersedia mengubah tingkah laku mereka dalam meneroka produk, idea dan praktis baharu (Ofori, 2006).

Isu kompetensi pengurus projek bangunan hijau juga turut berlaku di Malaysia sehingga mampu menggugat pelaksanaan konsep bangunan hijau ini kerana kebanyakan pengurus projek dan ahli-ahli projek yang lain enggan menerima dan melakukan perubahan tersebut kerana sudah selesai dengan praktis pengurusan projek yang konvensional (Sharif et al., 2014).

Satu Siasatan Awal (*Preliminary Investigation*) secara temubual bersemuka telah dilakukan dengan beberapa individu untuk melihat sejauhmana isu kompetensi ini mampu mempengaruhi kejayaan sesebuah projek bangunan hijau. Individu-individu ini dipilih berdasarkan latarbelakang dan posisi mereka sebagai ahli akademik, pembuat polisi dan penyelidik yang terlibat secara langsung dengan industri bangunan hijau. Hasil temubual mereka dapat dilihat seperti Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1 : Hasil Siasatan Awal (*Preliminary Investigation*)

Individu	Jawatan/Organisasi	Hasil Temubual
1	Pensyarah, University of Queensland	“Kompetensi merupakan masalah globalisasi dan sangat penting untuk diselesaikan supaya jumlah bangunan hijau boleh ditingkatkan”
2	Ketua Penolong Setiausaha 3 (TL), KeTTHA	“Bangunan hijau di Malaysia diurus oleh pengurus projek tradisional tanpa melalui sebarang kursus latihan yang spesifik”
3	Pensyarah, Sheffield Hallam University	“Bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah turut berlaku di United Kingdom”
4	Pegawai Penyelidik, Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM)	“Boleh menjadi asas kepada penyediaan modul latihan bagi pengurus projek bangunan hijau di Malaysia”
5	CIDB	“Tiada lagi modul latihan bagi pengurus projek bangunan hijau”

Berdasarkan kepada Jadual 1.1 di atas, dapat disimpulkan bahawa isu kompetensi merupakan masalah sejagat dan isu kompetensi ini juga tidak terkecuali berlaku di Malaysia serta memerlukan jalan penyelesaian secara menyeluruh kerana pelbagai pihak dalam industri pembinaan masih tidak jelas tentang bagaimana untuk menguruskan sesebuah projek bangunan hijau dengan baik dan berkesan (Enache-Pommer dan Horman, 2009; Korkmaz, Riley dan Horman, 2010) sedangkan sudah jelas terbukti bahawa pengurus projek yang kompeten mempunyai hubungan atau perkaitan dengan kejayaan sesebuah projek (Baker, Fisher dan Murphy, 1983; Belassi dan Tukel, 1996; Locke, 1984; Salleh, 2009; Sayles dan Chandler, 1971; Turner dan Zolin, 2012).

Kajian demi kajian telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik untuk mengenalpasti senarai kompetensi yang diperlukan oleh seorang pengurus projek namun aspek kelestarian masih lagi kurang diberi perhatian di dalam senarai kompetensi ini (A. G. Silvius dan R. P. Schipper, 2014). Jadual 1.2 di bawah menunjukkan beberapa contoh kajian yang telah mengenalpasti kompetensi pengurus projek mengikut bidang.

Jadual 1.2 : Senarai kompetensi Pengurus Projek mengikut bidang.

Penulis	Tahun	Senarai Kompetensi		Bidang
(Dainty, Cheng dan Moore)	2004	<ul style="list-style-type: none"> • Kesabaran • Kepimpinan berpasukan • Ketegasan • Pencapaian riantasi • Pemikiran analitikal • Fleksibiliti • Kerja berpasukan dan komunikasi • Inisiatif • Mencari maklumat • Pemikiran konseptual • Kesan dan pengaruh • Memberi tumpuan kepada keperluan pelanggan 		Pembinaan
(Geoghegan dan Dulewicz)	2008	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan sumber • Pemerksaan • Pembangunan • Motivasi • Analisis kritikal • Kebolehan mempengaruhi • Kesedaran diri • Kepekaan 		Pembinaan
(Yasin, Gomes dan Miller)	2009	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran pengendalian • Sikap terhadap pengikut • Kemahiran pengurusan • Kemahiran sosial • Keberkesanan pasukan • Keinginan untuk berkuasa • Keinginan untuk mencapai matlamat • Keyakinan dan wawasan 		Pembinaan
(Xiaoping, Huimin dan Qiming)	2009	<ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman dengan rekabentuk projek • Keupayaan pengurusan korporat • Gabungan teknik bangunan dan kepakaran reka bentuk • Keupayaan kewangan untuk projek rekabentuk • Kelayakan dan skala perusahaan • Rekod kredit dan reputasi dalam industri 		Pembinaan
(Arditi dan Balci)	2009	Permulaan	<ul style="list-style-type: none"> • Keberkesanan persoalan/menjana maklum balas • Keyakinan /pemasaran /jualan • Kemahiran 	Pembinaan

Penulis	Tahun	Senarai Kompetensi		Bidang
			<ul style="list-style-type: none"> mendengar Berorientasikan wawasan/kemahiran menyatakan masalah perniagaan Membina persetujuan 	
		Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran pengurusan projek dan pengetahuan Membina persetujuan Kemahiran teknikal / pengetahuan teori 	
		Perlaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> Keupayaan untuk bersama-sama pekerja/pasukan Berorientasikan kepada hasil akhir Benar / jujur 	
		Pengakhiran	<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran menulis Perkongsian maklumat & kredit Berbangga dengan hasil kerja / kualiti Benar / jujur 	
(Skulmoski dan Hartman)	2009	Menguruskan perubahan	<ul style="list-style-type: none"> Inisiatif Mengambil risiko Inovasi Fleksibiliti 	Teknologi Maklumat
		Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> Pemikiran analitikal Kemahiran membuat keputusan Perancangan Tumpuan kualiti 	

Penulis	Tahun	Senarai Kompetensi	Bidang
		Kemahiran personal <ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi lisan • Kepekaan • Menjaga hubungan • Kerja berpasukan 	
		Orientasi keputusan <ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian • Fokus pelanggan • Kesedaran perniagaan • Orientasi pembelajaran 	
		Kepimpinan <ul style="list-style-type: none"> • Kewibawaan • Memotivasi orang lain • Pembangunan sumber manusia • Ketahanan 	
(Stevenson dan Starkweather)	2010	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Kebolehan berkomunikasi di setiap peringkat • Kemahiran lisan • Kemahiran menulis • Perangai • Kebolehan untuk berdepan dengan masalah dan perubahan 	Teknologi Maklumat
(Crawford dan Nahmias)	2010	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Pengurusan orang berkepentingan • Perancangan • Pembangunan/pemilihan pasukan • Komunikasi • Kemahiran membuat keputusan dan penyelesaian masalah • Kemahiran dan kesedaran budaya • Kemahiran pengurusan projek 	Pembinaan
(Dogbegah, Owusu-Manu dan Omoteso)	2011	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan kepada pengurusan sumber manusia • Inovasi pembinaan dan komunikasi • Pengurusan sumber kewangan projek • Risiko projek dan pengurusan kualiti • Etika perniagaan • Sumber fizikal dan pengurusan perolehan 	Pembinaan
(Fisher)	2011	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami ciri-ciri tingkah laku • Mendahului orang lain • Kebolehan mempengaruhi orang lain 	Pembinaan

Penulis	Tahun	Senarai Kompetensi	Bidang
		<ul style="list-style-type: none"> • kebolehpercayaan • Pengurusan konflik • Kesedaran budaya 	
(Ortiz-Marcos, Cobo Benita, Aldeanueva dan Colsa)	2013	<ul style="list-style-type: none"> • Orientasi ke arah hasil akhir • Memulakan dan menyelesaikan masalah • Kerja berpasukan 	Pembinaan
(Zhang et al.)	2013	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja dengan orang lain • Pengurusan orang berkepentingan • Mendahului orang lain • Kesedaran sosial 	Pembinaan

Jika dilihat kepada Jadual 1.2 di atas, kebanyakan kajian mengenai kompetensi telah dilakukan di dalam bidang pembinaan dan teknologi maklumat. Namun begitu, kajian mengenai kompetensi khususnya dalam bidang pembinaan tidak mengetengahkan secara khusus kompetensi bagi seorang pengurus projek bangunan hijau.

Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang mula membincangkan perkara berkaitan pengurus projek bangunan hijau. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Hwang dan Ng (2013) dari Singapura mengenai kompetensi pengurus projek bangunan hijau. Setelah diteliti, senarai kompetensi yang digunakan oleh beliau hanya memfokuskan kepada kompetensi pengurus projek biasa kerana beliau menggunakan hasil dapatan daripada penyelidik-penyelidik lain untuk disesuaikan ke dalam konteks pembinaan bangunan hijau. Dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Tabassi et al. (2016) pula hanya mengetengahkan satu elemen kompetensi sahaja iaitu kompetensi kepimpinan bagi seseorang pengurus projek bangunan hijau. Walaupun kajian-kajian mengenai kompetensi pengurus projek bangunan hijau sudah mula mendapat tempat dikalangan penyelidik, namun masih tiada lagi kajian yang dilakukan untuk mengenalpasti kompetensi khusus bagi pengurus projek bangunan hijau di dalam memastikan kejayaan pembinaan bangunan hijau.

Di Malaysia, kajian-kajian mengenai pembangunan lestari juga turut dilakukan. Namun, kajian-kajian ini hanya memfokuskan kepada kecekapan tenaga dan penggunaan tenaga boleh baharu (Ahmad, Kadir dan Shafie, 2011; Al-Mofleh,

Taib, Mujeebu dan Salah, 2009; Ang, 2008; Bazmi dan Zahedi, 2011; Gan dan Li, 2008; Kadir, Abidin, Rafeeu dan Adam, 2010; Kathirvale, Muhd Yunus, Sopian dan Samsuddin, 2004; Keong, 2005; Mahlia, Abdulmuin, Alamsyah dan Mukhlisien, 2001; Mohammed et al., 2011; Saidur, Masjuki dan Jamaluddin, 2007; Saidur, Masjuki, Jamaluddin dan Ahmed, 2007; Saidur et al., 2009; Saidur, Sattar, Masjuki, Abdessalam dan Shahruan, 2007; Saidur, Sattar, Masjuki, Ahmed dan Hashim, 2007; Shuit, Tan, Lee dan Kamaruddin, 2009; Sumathi, Chai dan Mohamed, 2008; Yusoff, 2006) seperti penggunaan tenaga solar, tenaga hidro dan tenaga angin.

Justeru, sudah tiba masanya untuk satu kajian yang spesifik dilakukan bagi mengenalpasti senarai kompetensi khusus untuk seorang pengurus projek bangunan hijau dan pada masa yang sama melihat sejauhmana hubungan kompetensi pengurus projek ini mampu mempengaruhi kejayaan sesebuah projek bangunan hijau. Cadangan kajian ini juga turut dikongsi oleh beberapa penyelidik seperti Hwang dan Ng (2013), Marcelino-Sádaba, González-Jaen dan Pérez-Ezcurdia (2015) dan Hamid et al. (2012) supaya satu senarai kompetensi baharu yang tiada dalam kajian-kajian mereka sebelum ini dapat disediakan supaya penambahbaikan kompetensi sedia ada bagi menguruskan projek bangunan hijau dapat dilakukan disamping dapat melihat sejauhmana kekuatan hubungan diantara kompetensi pengurus projek bangunan hijau dengan kejayaan projek bangunan hijau (Lokman, Abdullah dan Shaari, 2017)

Sekiranya sesebuah projek pembinaan bangunan hijau diuruskan oleh pengurus projek yang kompeten, manfaat bangunan hijau akan dapat diperolehi secara optimum. Antara manfaat bangunan hijau ialah pengurangan penggunaan tenaga dan air, kos penyenggaraan, kos guaman dan insurans, perbelanjaan penjagaan, dan kos pengumpulan sampah (Kansal dan Kadambari, 2010; Keeping dan Shiers, 1996; Nalewaik dan Venters, 2010; Shiers, 2000). Selain itu, bangunan hijau juga mampu meningkatkan nilai dan harga jualan bangunan (Bowman dan Wills, 2008; CBRE, 2009; Pitts dan Jackson, 2008), meningkatkan sewa (CBRE, 2009; Chappell dan Corps, 2009; Eichholtz, Kok dan Quigley, 2010), mengurangkan ketidakhadiran pekerja dan menyediakan pekerja yang produktif (USGBC, 2003), menyediakan ruang yang sihat untuk didiami (Edwards, 2003; USGBC, 2003), meningkatkan rasa kesejahteraan (Edwards, 2003) dan memperbaiki imej syarikat

(Edwards, 2003; McKee, 2003). Oleh yang demikian, sebelum senarai kompetensi pengurus projek bangunan hijau dapat dibangunkan, beberapa persoalan kajian yang spesifik telah dibentuk sebagai asas kepada keseluruhan pelaksanaan kajian ini.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mengetengahkan beberapa persoalan kajian yang berkaitan dengan kompetensi pengurus projek pembinaan bangunan hijau. Antaranya ialah:

1. Apakah kompetensi yang perlu dimiliki oleh pengurus projek bangunan hijau?
2. Sejauhmana hubungan di antara kompetensi pengurus projek bangunan hijau mampu mempengaruhi kejayaan sesebuah projek bangunan hijau?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mewujudkan satu set kompetensi yang perlu dimiliki oleh pengurus projek bangunan hijau di Malaysia dan melihat sejauhmana ia mempengaruhi kejayaan projek. Maka, untuk mencapai tujuan ini dua (2) objektif telah diketengahkan iaitu:

1. Untuk menentukan kompetensi pengurus projek bangunan hijau di Malaysia
2. Untuk mengkaji hubungan di antara kompetensi pengurus projek bangunan hijau dan Indeks Bangunan Hijau di Malaysia dalam memastikan kejayaan pembinaan sesebuah projek bangunan hijau.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian merupakan aspek yang dilihat dari segi sejauhmana penyelidikan dapat menyumbang ke dalam aspek teori, metodologi dan praktikal secara signifikan dan ia dapat dilihat seperti perbincangan di bawah:

1.5.1 Sumbangan terhadap ilmu

Penyelidikan ini telah mengisi jurang ilmu yang terdapat dalam sorotan ilmiah sekaligus mempelbagaikan sumber rujukan dalam kajian mengenai kompetensi khususnya kompetensi pengurus projek bagi bangunan hijau. Tidak dinafikan bahawa kajian-kajian lepas ada membincangkan mengenai kompetensi pengurus projek bangunan hijau ini tetapi ia dibahaskan di dalam konteks yang umum. Memandangkan kajian mengenai kompetensi bagi pengurus projek bangunan hijau masih kurang dilakukan di Malaysia, maka penyelidikan ini berpotensi untuk memberi kefahaman di samping meneroka penemuan baharu yang berkaitan dengan faktor kemanusiaan di dalam pengurusan projek.

Selain itu, kajian ini menggunakan perspektif individu sebagai unit analisis berbanding perspektif organisasi sebagai unit analisis kerana prestasi individu ini (khususnya individu yang menguruskan projek pembinaan bangunan hijau) dapat mempengaruhi prestasi organisasi dengan bertindak secara kolektif.

Kemudian, kajian ini juga telah memberi sumbangan ilmu yang baharu dengan membentuk model kompetensi pengurus projek bangunan hijau dalam memastikan kejayaan sesebuah projek bangunan hijau.

1.5.2 Sumbangan terhadap industri

Kajian mengenai kompetensi ini secara tidak langsung menerangkan situasi kompetensi bagi pengurus projek bangunan hijau khususnya di Malaysia. Kajian ini juga memberi penekanan kepada elemen kompetensi yang paling mempengaruhi

projek pembinaan bangunan hijau dengan melihat kepada model hubungan yang akan diwujudkan. Oleh itu, ia boleh membantu pihak yang berkenaan seperti pembuat dasar untuk membuat pengubahsuaian di dalam perihal pengurusan sumber manusia khususnya di dalam industri pembinaan.

Selain itu, kajian mengenai elemen kompetensi bagi pengurus projek bangunan hijau ini juga mampu menghasilkan modul latihan. Modul latihan ini sangat penting sebagai satu persediaan kepada pengurus projek bangunan menerima peranan baharu sesuai dengan peredaran masa. Tambahan pula, pihak CIDB memaklumkan bahawa tiada lagi modul latihan khusus bagi pengurus projek bangunan hijau di Malaysia setakat ini.

Kemudian, kajian mengenai kompetensi ini selaras dengan hasil kajian oleh Boam dan Sparrow (1992) bahawa melalui kompetensi, sesebuah organisasi mampu untuk menjayakan salah satu daripada aspek berikut :

- Memperbaiki proses pemilihan.
- Memperbaiki penilaian potensi kerjaya.
- Memperbaiki proses penilaian prestasi.
- Menyediakan sistem yang sama bagi menyampaikan sifat semula jadi sesebuah organisasi yang efektif.
- Memudahkan pembangunan dan penilaian sendiri.
- Menyediakan keperluan asas bagi tujuan latihan.
- Menyediakan alatan asas bagi pembangunan budaya perniagaan.
- Menyediakan alatan bagi membina kumpulan yang berjaya.
- Menyediakan satu kaedah untuk mengenalpasti kesan bagi sesuatu pekerjaan dan reka bentuk sesebuah organisasi.

1.6 Skop dan Limitasi

Skop dan limitasi bagi kajian ini adalah:

1. Kajian ini hanya akan mengambil kira elemen 'ilmu pengetahuan' dan 'kemahiran' sebagai asas kepada definisi kompetensi berdasarkan kepada Teori Bongkah Ais.
2. Kajian ini hanya terhad dalam konteks negara Malaysia sahaja.
3. Kajian ini memberi fokus kepada pengurus projek pembinaan bangunan hijau di Malaysia.

1.7 Metodologi Kajian

Secara asasnya, metodologi kajian dibahagikan kepada lima (5) peringkat iaitu peringkat sorotan ilmiah, membangunkan proposal kajian, kajian utama, proses mengenalpasti set kompetensi dan pembangunan model hubungan serta pengesahan, dan peringkat akhir iaitu penutup dan cadangan.


Peringkat pertama (1) lebih kepada pemahaman teori asas mengenai kesan aktiviti manusia kepada alam sekitar. Kemudian, definisi pembangunan lestari yang pelbagai oleh para penyelidik turut dibincangkan di samping istilah bangunan hijau turut dijelaskan. Selain itu, penerangan mengenai pengurus projek, kompetensi dan kaitannya dengan kejayaan projek juga turut diterangkan.

Kemudian, rangka kerja kajian dibentuk di peringkat kedua (2). Pada peringkat ini, pernyataan masalah, keperluan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan limitasi, sumbangan kajian, hasil dapatan dan juga metodologi kajian.

Seterusnya, peringkat ketiga (3) adalah tunjang kepada kajian ini di mana kerja-kerja mengumpul data dan proses menganalisis dibuat. Data-data akan dikumpul menggunakan sorotan ilmiah yang komprehensif, temubual dan kajian soal

selidik untuk melihat elemen-elemen kompetensi khusus bagi pengurus projek bangunan hijau. Bagi data yang diperolehi, analisis yang akan digunakan adalah berdasarkan keadaan data tersebut. Analisis Kandungan, Frekuensi, *Mean rank* dan Model Persamaan Berstruktur adalah analisis cadangan bagi mencapai objektif kajian.

Peringkat keempat (4) pula, adalah membangunkan model hubungan antara kompetensi pengurus projek bangunan hijau dan kejayaan projek bangunan hijau. Pembangunan model ini adalah berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah dibina berdasarkan sorotan ilmiah dan pendapat pakar bidang. Model ini akan diuji bagi tujuan pengesahan. Kemudian, kesimpulan dan cadangan akan diberikan pada peringkat akhir kajian ini iaitu di peringkat kelima (5). Rajah 1.1 di bawah juga menunjukkan aliran keseluruhan kajian.



Rajah 1.1 : Aliran Keseluruhan Aktiviti Kajian

1.7.1 Teknik Pengumpulan dan Penganalisan Data

